Pada masa sama, beliau menegaskan golongan dewasa tidak boleh mengeksploitasi kanak-kanak dalam apa jua bentuk, dan kerajaan akan menguatkuasakan undang-undang dengan tegas terhadap pelaku yang terbukti melakukan penderaan atau eksploitasi.

Nancy turut mengingatkan bahawa isu ini tidak boleh ditangani melalui undang-undang semata-mata, sebaliknya memerlukan kesedaran masyarakat, institusi keluarga yang kukuh serta pembabitan komuniti.

Sebelum ini, Polis Kelantan mencadangkan undang-undang sedia ada diteliti semula khususnya dalam kes hubungan seksual bawah umur dengan kerelaan atau suka sama suka supaya tindakan turut dikenakan terhadap pasangan mereka.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat, berkata demikian untuk merujuk hampir 90 peratus kes rogol bawah umur di Kelantan berlaku atas dasar suka sama suka.

Bagaimanapun, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail menegaskan cadangan itu merupakan pandangan peribadi Mohd Yusoff dan tidak mewakili pendirian kerajaan atau dasar rasmi kementerian.

Katanya, pandangan berkenaan tidak menggambarkan konsensus peringkat nasional dan kerajaan hanya akan membuat keputusan selepas melalui proses perundangan sewajarnya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | KELANTAN BACKS CALL TO CHARGE BOTH PARTNERS IN UNDERAGE SEX | | |
| HARI : | KHAMIS | AKHBAR : | THE STAR |
| TARIKH : | 25 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT : | 05 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Kelantan backs call to charge both partners in underage sex

**KOTA BARU:** Kelantan supports the proposal by state police chief Datuk Mohd Yusoff Mamat to review existing laws on statutory rape so that both consenting parties involved can be held accountable, not just the male partner.

Deputy Mentri Besar Datuk Dr Mohamed Fadzli Hassan said it was unfair for only the male party to face legal consequences in cases where both individuals willingly engaged in sexual activity.

"The proposal shows that the Kelantan police chief is taking the issue seriously and we share that concern.

"In cases of consensual underage sex, the girl should also bear responsibility. If the girl is simply let off without any warning or consequence, it gives the impression that there's no accountability on her part, despite her consenting to it.

"Such leniency could lead to a recurrence," he said yesterday, Bernama reported.

He suggested that the Federal Government set up a special committee to study the proposal and determine appropriate measures for both parties involved.

Mohamed Fadzli said that in most cases of underage consensual sex, the male partner – if above the age of 16 – is typically charged with rape while the girl is not held liable.

"That's why we believe both sides – male and female – must be held responsible. The state government supports the Kelantan police chief's statement. This is not merely about punishment but education and fairness," he said.

Mohd Yusoff had suggested that legal action be considered against both individuals involved in consensual statutory rape cases, rather than only prosecuting the male partner.

Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail said that Mohd Yusoff's statement was his personal view, driven by concern over the rising number of sexual offence cases in Kelantan.




# Kelantan government supports review of statutory rape laws for both parties

theSun Local

2025-09-24 05:42 PM



*Kelantan Deputy Menteri Besar Datuk Dr Mohamed Fadzli Hassan - Photo by BERNAMA*

**KOTA BHARU**: The Kelantan government has endorsed a proposal to review existing laws regarding consensual statutory rape cases.

State Deputy Menteri Besar Datuk Dr Mohamed Fadzli Hassan said it is unfair for only the male partner to face legal consequences when both individuals willingly engaged in sexual activity.

He stated that the proposal from Kelantan Police Chief Datuk Mohd Yusoff Mamat shows serious concern for the issue, which the state government shares.

"In cases of underage consensual sex, the girl should also bear responsibility," Mohamed Fadzli told reporters after attending the state executive council meeting.

He warned that letting the girl off without consequences creates an impression of no accountability and could lead to recurring issues.

The deputy menteri besar also suggested the federal government establish a special committee to study the proposal and determine appropriate measures.

He clarified that the punishment does not necessarily have to be criminal but should serve as an educational lesson for both parties.

Mohamed Fadzli explained that current practice typically sees the male partner charged with rape if above 16, while the girl faces no liability.

"That's why we believe both sides - male and female - must be held responsible," he emphasised.

He reiterated the state government's support for the police chief's statement, framing it as an issue of education and fairness rather than mere punishment.

Mohd Yusoff sparked public debate last Monday by suggesting legal action against both individuals in consensual statutory rape cases.

He plans further discussions with stakeholders including the Kelantan Islamic Religious Affairs Department and Education Department.

Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail later clarified the police chief's statement reflected personal views driven by concern over rising sexual offence cases in Kelantan. – Bernama




# Undang-undang kes rogol mangsa bawah umur dikaji

Oleh Suzalina Halid dan Latifah Arifin - September 24, 2025 @ 11:33am




KUALA LUMPUR: Undang-undang berkaitan rogol membabitkan mangsa bawah umur yang berpunca daripada perbuatan suka sama suka, akan dikaji keberkesanan pelaksanaannya bagi tujuan ditambah baik.

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) sudah mewujudkan Jawatankuasa Reformasi Undang-Undang Jenayah (CLRC) bagi mengkaji keberkesanan undang-undang sedia ada itu sebelum mencadangkan penambahbaikannya.

Ini kerana prinsip asas undang-undang berkaitan jenayah rogol bawah umur secara suka sama suka, adalah bagi membawa pesalah ke muka pengadilan, manakala mangsa pula perlu dilindungi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata perlu difahami, undang-undang berkaitan rogol statutori, diwujudkan dengan tujuan utama melindungi kanak-kanak bawah umur dan bukannya menghukum mereka.

Ini kerana katanya, dari segi undang-undang, kanak-kanak tidak mempunyai keupayaan untuk memberi persetujuan.

"Sebab itulah undang-undang mengiktiraf mereka sebagai mangsa. Jika mangsa juga didakwa, ia ditakuti menghindar mereka daripada tampil mendapatkan bantuan dan keadilan," katanya kepada BH, di sini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas **kenyataan Polis Kelantan** yang mencadangkan supaya undang-undang sedia ada diteliti semula, khususnya dalam kes hubungan seksual bawah umur dengan kerelaan atau suka sama suka supaya tindakan tidak hanya ke atas pelaku sahaja, sebaliknya turut dikenakan terhadap pasangan mereka.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat, dilaporkan berkata statistik menunjukkan hampir 90 peratus kes rogol bawah umur di Kelantan, berlaku atas dasar suka sama suka, bukannya paksaan.

Berdasarkan data dilaporkan, kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak meningkat daripada 2,541 kes pada 2020 kepada 3,892 kes pada tahun 2024, satu peningkatan sebanyak 53.2 peratus.

Jumlah mangsa juga meningkat dari 2,561 orang kepada 3,988 orang dalam tempoh yang sama, iaitu peningkatan sebanyak 55.7 peratus.

Azalina berkata, pihaknya mengambil maklum cadangan dan pandangan seperti yang dikemukakan oleh Polis Kelantan itu.

"Kerajaan MADANI sentiasa terbuka menerima pandangan serta cadangan penambahbaikan daripada semua pihak.

"Namun, prinsip asasnya jelas iaitu pesalah mesti dibawa ke muka pengadilan, manakala mangsa mesti dilindungi.

"Itulah pendirian kerajaan dalam menegakkan kedaulatan undang-undang dan keadilan untuk semua," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Musa Awang, turut menyokong pindaan terhadap undang-undang sedia ada membabitkan jenayah rogol bawah umur.

Memberikan contoh, katanya Seksyen 375(g) Kanun Keseksaan menetapkan had umur 16 tahun bagi perbuatan zina yang berlaku membabitkan gadis bawah umur dengan salah laku itu dianggap sebagai rogol, walaupun berlaku suka sama suka.

"Pandangan saya, had umur boleh diturunkan kepada 14 tahun bagi kesalahan ini dan memberi kuasa kepada hakim menilai tahap kematangan seseorang (bukan hanya bergantung kepada angka umur) adalah lebih dekat dengan saranan dan intipati syariah.

"Begitu juga, kes yang terbukti dilakukan secara rela, bukan sebagai rogol atau telah dibebaskan di Mahkamah Sivil, maka pelaku boleh dibawa ke Mahkamah Syariah, jika membabitkan pasangan beragama Islam.

"Di sinilah perlu ada kerjasama di antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Agama Islam Negeri," katanya.

Tambahnya, mengikut undang-undang syariah, dalam menentukan seseorang itu terbeban dengan tindakan undang-undang ialah berdasarkan umur baligh iaitu sudah cukup umur menurut hukum syarak, bukan berdasarkan had umur tertentu.

"Perbuatan yang dilakukan kanak-kanak yang belum baligh tidaklah menjadi kesalahan untuk didakwa, begitu juga perbuatan seseorang yang tidak sempurna akal. Hakim yang akan menilai tahap baligh seseorang, bukan hanya bergantung kepada umur.

"Dalam undang-undang syariah juga, merujuk kepada Seksyen 128 Akta Prosedur Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997, pesalah muda yang disabitkan mahkamah atas apa-apa kesalahan tidak semestinya dihukum.

"Malah dia boleh dilepaskan dengan teguran yang wajar atau diserahkan kepada ibu bapa atau penjaganya atau saudara mara terdekat untuk menyempurnakan bon jamin bagi memastikan pesalah berkelakuan baik selama tempoh tertentu, atau boleh memerintahkan pesalah berkelakuan baik untuk suatu tempoh tertentu," katanya.

# Ibu angkat rayu bantu cari waris Muhammad Saadiq

24 September 2025, 12:58pm




*Muhammad Saadiq.*

**Oleh: Fatin Hanani Sahimi**

**KUALA LUMPUR:** Seorang wanita warga Indonesia dikenali sebagai Yanti dicari bagi membantu proses pendaftaran pengambilan anak angkat seorang bayi lelaki berusia setahun lima bulan.

Menurut ibu angkat bayi berkenaan, Sitti Harijah Latif, 40, bayi yang diberi nama Muhammad Saadiq itu dilahirkan pada 22 Februari tahun lalu.

Menurut Sitti Harijah, bayi berkenaan diserahkan kepadanya pada Januari lalu, ketika berusia 11 bulan.

"Saya pernah bekerja bersama Yanti sekitar 2020 dan kami terputus hubungan, lebih-lebih lagi selepas pandemik COVID-19.

"Beberapa bulan lalu, dia hubungi saya menggunakan nombor yang tidak dikenali. Katanya, dia ada seorang anak dan mahu menyerahkannya kerana bercadang untuk pulang ke Indonesia," katanya ketika dihubungi Buletin TV3.

Sitti Harijah mengakui ketika itu dia tidak berfikir panjang kerana terlalu teruja untuk menjaga anak sendiri memandangkan dia tidak mempunyai cahaya mata bersama suami.

"Saya memang teringin sangat nak ada anak. Bila dia serahkan anak tu, saya terus ambil. Tapi saya tak ada dokumen atau surat apa-apa masa tu.

"Bila saya cerita kepada rakan-rakan, barulah mereka tegur cara saya salah. Jadi saya terus merujuk kes ini kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Hulu Langat tahun ini," ujarnya.

JKM kemudian menasihatinya untuk mengesan ibu kandung itu bagi melengkapkan proses pengambilan anak angkat secara sah.

Sehubungan itu, orang ramai yang mengenali atau mempunyai maklumat mengenai Yanti diminta menghubungi Sitti Harijah di talian 019-375 1419.

# Bumbung tercabut: Lima keluarga PPR Seri Cempaka terima bantuan MAIWP

Nasional - Dicipta: 24 September 2025 04:30 PM



*Kenderaan di PPR Sri Cempaka turut rosak dan musnah akibat bumbung tercabut, pokok tumbang dalam kejadian angin kencang pada Isnin lalu/Foto Facebook Fahmi Fadzil*

***KUALA LUMPUR, 24 September -*** Lima keluarga yang terjejas akibat ribut di ibu negara pada Isnin lalu menerima bantuan awal berjumlah RM10,000 daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata, setiap keluarga menerima bantuan tunai sebanyak RM2,000 selain kit musibah mengandungi pakaian, sejadah dan keperluan asas lain.

"Kita menyerahkan sumbangan sambil memberikan kata-kata semangat atas ujian musibah yang menimpa mereka. Alhamdulillah pada petang ini kita sumbangkan RM2,000 kepada setiap keluarga yang terkesan," katanya ketika menyampaikan bantuan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Pusat Komuniti Lembah Pantai, di sini hari ini

Hasil semakan mendapati kebanyakan mangsa ribut itu adalah asnaf yang menerima bantuan zakat MAIWP.

Kejadian berkenaan melibatkan lima unit rumah di tingkat 17 Pangsapuri Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Cempaka yang mengalami kerosakan serius termasuk siling dan bumbung tercabut.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, Datuk Seri Fahmi Fadzil turut mengadakan perbincangan bersama agensi berkaitan bagi menyelaras bantuan susulan.

Selain MAIWP, beberapa agensi lain turut tampil menghulurkan bantuan segera antaranya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) .

# Festival Koperasi Wanita 2025 sasar 50,000 pengunjung




Abdul Fattah Abdullah (dua dari kanan), dan Rozilah Mohd Tahir (dua dari kiri) pada sidang akhbar Karnival Koperasi Wanita di Bangunan Angkasa, Petaling Jaya hari ini. -UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

Oleh NUR AMYLIA RIZAN 24 September 2025, 8:08 pm

PETALING JAYA: Festival Koperasi Wanita (Women Coop Fest) yang bakal berlangsung dari 16 hingga 19 Oktober ini di MyTown Cheras Mall menyasarkan kehadiran sehingga 50,000 pengunjung, dengan pelbagai acara yang menarik.

Pengerusi Konsortium Koperasi Wanita Malaysia (KOWIMA), Rozilah Mohamad Tahir berkata, objektif utama festival adalah memberi peluang kepada koperasi-koperasi wanita mempromosi produk mereka dan menyediakan platform pendedahan yang lebih luas kepada orang ramai.

"Kami juga memberi fokus kepada penglibatan anak muda melalui penganjuran pertandingan e-sport. Inisiatif ini bukan sahaja mampu menarik minat generasi belia, tetapi juga membuka ruang untuk mereka meneroka potensi dalam bidang koperasi wanita di masa hadapan," katanya dalam sidang akhbar karnival itu di Bangunan Angkasa di sini hari ini.

Festival selama empat hari itu akan menyajikan pelbagai aktiviti termasuk pameran dan jualan produk usahawan wanita, festival food truck, pertandingan memasak, karaoke, dekorasi kek dan persembahan kebudayaan.

Selain itu, acara utama seperti pertandingan e-sport, pertunjukan kucing "Mr & Mrs Meow" dan ceramah agama dijangka menjadi tarikan pengunjung, sekali gus menjadikan Women Coop Fest 2025 bukan sekadar platform jualan, tetapi juga medan pendidikan, hiburan keluarga dan jaringan perniagaan koperasi wanita.

Sementara itu, Pengerusi Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa), Datuk Seri Fattah Abdullah, berkata penganjuran Women Coop Fest 2025 turut seiring dengan sambutan Tahun Koperasi Antarabangsa (IYC 2025) yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan tema 'Be The Better World'.

"Angkasa amat berbangga kerana program ini bukan sahaja memartabatkan peranan koperasi wanita di Malaysia, tetapi juga menjadi bukti bahawa koperasi tempatan mampu bergerak seiring dengan agenda pembangunan sosial dan ekonomi di peringkat global," katanya.

Jualan Rahmah turut akan diadakan selama dua hari bermula pada hari perasmian oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick, yang dijangka turut dihadiri oleh Ahli Lembaga KOWIMA (ALK), inisiatif ini diyakini dapat meringankan beban kos sara hidup di samping menarik lebih ramai pengunjung ke festival.

Dengan kepelbagaian aktiviti serta sokongan padu daripada pelbagai pihak, Women Coop Fest 2025 dijangka menjadi platform penting untuk mengangkat koperasi wanita ke tahap lebih tinggi, selain memperkukuh jaringan kerjasama antara usahawan wanita, belia dan masyarakat umum. – UTUSAN

# Kanak-kanak 9 tahun dikhuatiri lemas



Oleh Meja Berita 24 September 2025, 9:00 pm

PAPAR: Seorang kanak-kanak lelaki berusia sembilan tahun dikhuatiri lemas ketika mand bersama rakan-rakannya di sungai Kampung Benoni, di sini, semalam.

Mangsa dipercayai tergelincir sebelum tenggelam dan dihanyutkan arus.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Papar, Rozlan Osman berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pukul 7.20 malam sebelum sepasukan sembilan anggota digerakkan ke lokasi.

"Ketika tiba di lokasi, operasi mencari dan menyelamat (SAR) dilancarkan dengan kaedah 'water surface' di kawasan mangsa dilaporkan hilang.

"Mangsa sedang mandi-manda bersama rakan sebelum tergelincir dan tenggelam kemudian dihanyutkan arus. Setakat ini mangsa masih belum ditemukan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, usaha mencari mangsa masih giat dilakukan di sekitar lokasi sehingga kini.

# Kanak-kanak Lelaki Ditemukan Lemas Di Pantai Puteri

24/09/2025 11:49 PM




MELAKA, 24 Sept (Bernama) -- Seorang kanak-kanak lelaki ditemukan lemas selepas mandi bersama dengan dua rakan sebayanya di Pantai Puteri, di sini malam ini.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Melaka Penguasa Kanan Bomba II Mohd Shahrom Laji berkata mayat Mohammad Wafiy Adrian Mohd Ridzuan, 12, ditemukan kira-kira 150 meter dari tempat mangsa dilaporkan hilang pada 9.40 malam ini.

"Terdahulu, Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tangga Batu menerima panggilan pada 6.33 petang tadi sebelum tiba di lokasi kejadian kira-kira 11 minit kemudian.

"Setibanya di tempat kejadian, kami menerima maklumat daripada orang ramai bahawa tiga kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun lemas ketika mandi di Pantai Puteri, namun dua daripadanya telah diselamatkan oleh orang awam," katanya kepada pemberita di lokasi kejadian.

Beliau berkata mayat mangsa kemudiannya diserahkan kepada polis manakala dua lagi mangsa, iaitu Mohd Azrill Dis Abdul Hai dan Mohd Zakuan Nazram Mazariswan yang terselamat dalam kejadian terbabit telah dihantar ke Hospital Melaka untuk rawatan lanjut.

Operasi malam ini katanya, membabitkan 44 pegawai dan anggota daripada pelbagai agensi seperti JBPM Melaka, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan nelayan.

# Tertuduh kes culik kanak-kanak didakwa pula kes amang seksual

Omar Ahmad
am@hmetro.com.my



LEANG Win Son (kanan) mengaku tidak bersalah atas tuduhan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak perempuan lain minggu lalu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen. FOTO Najmi Norázam

Johor Bahru: Lelaki yang pernah dituduh dalam kes penculikan kanak-kanak perempuan di Iskandar Puteri pada Julai tahun lalu, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini atas pertuduhan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak perempuan lain, minggu lalu.

Tertuduh Leang Win Son, 32, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan dalam bahasa Mandarin di hadapan Hakim Madihah Zainol.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa berusia sembilan tahun sembilan bulan di dalam tandas sebuah kedai kopi di Taman Iris, Kulai kira-kira jam 7.30 malam pada 14 September lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Sesyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan sebatan jika didapati bersalah.

Timbalan Pendakwa Raya Nur Farah Wahida Shahudin tidak menawarkan sebarang jaminan kerana tertuduh pernah didakwa mengikut Seksyen 363 Kanun Keseksaan, Seksyen 346 Kanun Keseksaan dan Seksyen 15 (a) (ii) Akta Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 pada 7 Ogos 2024.

"Tertuduh masih dalam proses bicara yang dijadualkan berlangsung pada 6 dan 7 Oktober depan. Tertuduh sebelum ini dilepaskan dengan jaminan mahkamah.

"Tertuduh juga pernah dituduh di bawah Seksyen 10 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 kerana memiliki bahan pornografi kanak-kanak, dan mengaku salah terhadap lima pertuduhan pilihan pada Julai lalu.

"Kesalahan yang dilakukan tertuduh adalah serius dan berat. Atas faktor itu bantahan jaminan terhadap tertuduh. Sekiranya jaminan diberikan terdapat risiko perbuatan akan berulang dalam kalangan masyarakat awam," katanya.

Peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) Nur Zafirah Norizan memohon mahkamah membenarkan jamin terhadap tertuduh, selain meminta dirujuk ke hospital psikiatri bagi menjalani pemeriksaan mental.

"Tertuduh ketika ini hanya bekerja membantu ibunya dengan pendapatan RM50 sehari. Tertuduh memberikan kerjasama baik kepada pihak berkuasa sepanjang kes mahkamah yang dihadapinya sebelum ini," katanya.

Mahkamah kemudian tidak membenarkan tertuduh dikenakan ikat jamin dan menetapkan 6 Oktober depan untuk sebutan semula.

**Disiarkan pada: September 24, 2025 @ 1:42pm**

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | ALLEGED KIDNAPPER CHARGED WITH SEXUAL ASSAULT ON ANOTHER GIRL | | |
| HARI : | KHAMIS | AKHBAR : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH : | 25 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT : | 09 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

DENIED BAIL

# Alleged kidnapper charged with sexual assault on another girl

**JOHOR BARU:** A man previously charged with the kidnapping of a girl, 6, in Iskandar Puteri here in July last year was charged with sexually assaulting another child last week.

Leang Win Son, 32, pleaded not guilty when the charge was read to him in Mandarin before judge Madihah Zainol at the Johor Baru Sessions Court.

According to the charge sheet, the accused allegedly committed physical sexual abuse against a 9-year-old girl by touching her private parts over her clothing in a toilet in Taman Iris, Kulai, at 7.30pm on Sept 14.

He was charged under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, which carries a maximum penalty of 20 years' imprisonment and whipping upon conviction.

Deputy public prosecutor Nur Farah Wahida Shahudin urged the court not to grant bail, citing the accused's previous criminal charges.

She said Leang was previously charged in the court on Aug 7, 2024, under Section 363 of the Penal Code for the kidnapping of a 6-year-old girl, Section 346 of the Penal Code for wrongful confinement, and Section 15(a)(ii) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 in relation to the same victim.

However, Nur Zafirah Norizan of the National Legal Aid Foundation, who represented Leang, appealed for bail and requested that he be referred for psychiatric evaluation.

"My client helps his mother for a living, earning only RM50 per day, and has cooperated with authorities throughout his previous court proceedings.

"He is out on court bail, having paid RM60,000 for all existing charges," she said.

The court, however, denied bail, citing the seriousness of the current charge and the accused's previous offences under the same act.

"As the victim is a child, public interest must be prioritised," said Madihah.

The court set Oct 6 for the next case mention and to decide on the request for psychiatric evaluation.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | NAFI TUDUHAN AMANG SEKSUAL BUDAK 9 TAHUN | | |
| HARI : | KHAMIS | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 25 SEPTEMBER 2025 | M/SURAT : | 03 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Nafi tuduhan amang seksual budak 9 tahun

**Johor Bahru:** Seorang lelaki yang pernah didakwa dalam kes penculikan kanak-kanak perempuan di Iskandar Puteri pada Julai tahun lalu, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas pertuduhan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak perempuan lain, minggu lalu.

Tertuduh Leang Win Son, 32, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan dalam bahasa Mandarin di hadapan Hakim Madihah Zainol.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa berusia sembilan tahun sembilan bulan di dalam tandas sebuah kedai kopi di Kulai kira-kira jam 7.30 malam pada 14 September lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Sesyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan sebatan jika didapati bersalah.

Timbalan Pendakwa Raya Nur Farah Wahida Shahudin tidak menawarkan sebarang jaminan kerana tertuduh pernah didakwa mengikut Seksyen 363 Kanun Keseksaan, Seksyen 346 Kanun Keseksaan dan Seksyen 15 (a) (ii) Akta Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 pada 7 Ogos 2024.

"Tertuduh masih dalam proses bicara yang dijadualkan berlangsung pada 6 dan 7 Oktober depan. Tertuduh sebelum ini dilepaskan dengan jaminan mahkamah.

"Tertuduh juga pernah dituduh di bawah Seksyen 10 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 kerana memiliki bahan pornografi kanak-kanak, dan mengaku salah terhadap lima pertuduhan pilihan pada Julai lalu.

"Kesalahan yang dilakukan tertuduh adalah serius dan berat. Atas faktor itu bantahan jaminan terhadap tertuduh. Sekiranya jaminan diberikan terdapat risiko perbuatan akan berulang dalam kalangan masyarakat awam," katanya.

Mahkamah kemudian tidak membenarkan tertuduh diikat jamin dan menetapkan 6 Oktober depan untuk sebutan semula.

# Lelaki mengaku tidak salah rogol adik ipar

Jenayah - Dicipta: 24 September 2025 12:45 PM




*Lelaki berusia 31 tahun mengaku tidak salah rogol adik ipar*

***JOHOR BAHRU, 24 September -*** Seorang buruh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru hari ini atas tuduhan merogol adik iparnya di Pontian, Julai tahun lalu.

Pengakuan itu dibuat tertuduh berusia 31 tahun di hadapan Hakim Madihah Zainol selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa merogol adik iparnya yang ketika kejadian berusia 15 tahun di Kampung Parit Lapis Sayang, Benut, Pontian.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin serta diarahkan melaporkan diri di balai polis dan menyerahkan pasport.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula bagi penyerahan dokumen pada 24 Oktober depan.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK : | 'ABUYA' DIDAKWA 6 PERTUDUHAN CABUL PELAJAR TAHFIZ LELAKI | | | |
| HARI : | KHAMIS | | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 25 SEPTEMBER 2025 | | M/SURAT : | 07 |
| TONE : | NEGATIF | | SEKTOR : | KPWKM |

# 'Abuya' didakwa 6 pertuduhan cabul pelajar tahfiz lelaki

**Pasir Mas:** Seorang mudir sekolah pondok yang dikenali sebagai 'Abuya' didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas enam pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap pelajar tahfiz lelaki berusia 14 tahun di Kampung Kubang Batang, Tumpat antara 3 Mac hingga 9 Jun lalu.

Tertuduh, Mohamad Aswadi Yah, 46, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Zulkpli Abdullah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap pelajar tahfiz lelaki berusia 14 tahun.

Perbuatan itu dilakukan membabitkan mangsa sama di dua lokasi iaitu sebuah rumah di Kampung Kubang Batang, Tumpat dan sebuah masjid madrasah di Wakaf Bharu antara jam 12.30 tengahari dan 5.30 petang pada tarikh 3 Mac hingga 9 Jun lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(b) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Siti Aiysha Na'ilah Harizan manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd Irwan Sumadi.

Terdahulu, Siti Aiysha Na'ilah memohon tertuduh dikenakan jaminan RM15,000 bagi setiap pertuduhan dan Mohd Irwan memohon jaminan minimum dikenakan memandangkan anak guamnya sudah mempunyai kes sama sebelum ini.

Mahkamah kemudiannya membenarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 untuk semua pertuduhan dan tertuduh perlu melapor diri di balai polis setiap bulan serta tidak boleh mengganggu saksi.